

Nilai: Prihatin terhadap tanggungjawab membantu golongan wanita bermasalah mendorong Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan *Hawa Convention Special Return 2014*, di sini, baru-baru ini.

Bertema *Women Inspiring The World*, konvensyen bertujuan membantu golongan terbabit menangani masalah berkaitan isu akidah, pergolakan, keluarga dan sosial dengan memberi pendedahan serta pengetahuan yang menyeluruh.

Pengarah Program, Nurul Syakirin Ahmad Najid, berkata konvensyen dijalankan menyaksikan perkongsian ilmu bersama para ilmuan profesional dalam pelbagai bidang seterusnya yang dapat memberi impak positif,



Sebahagian daripada peserta yang menghadiri *Hawa Convention Special Return 2014* di USIM.

Konvensyen tangani isu **akidah, sosial wanita**

selain menyahut seruan Allah SWT supaya menuntut ilmu kerana ianya sebahagian kefarduan ke atas setiap individu

muslim sebagaimana yang diriwayatkan oleh hadith Ibn Majah.

“Sebagai mahasiswa terdidik, mereka tidak se-

harusnya memikirkan soal yang remeh seperti cinta dan bersuka-suka agar mereka lebih ke hadapan, proaktif dan berfikir diluar

kotak fikiran.

Selebriti tanah air

“Dengan hadirnya Dr Ahmad Wifaq bagi membina-

cangkan soal ‘Wanita dalam Maqasid Syariah’ selain selebriti tanah air antaranya Catriona Ross dan Salima Habibi memerahkan lagi program ini,” katanya.

Katanya, paling menarik ialah slot bersama Pencetus Ummah Rahmat Ikhsan Mohd Sofyan menerusi forum bertajuk ‘Wanita dan Glamor’ yang mengupas cara golongan itu berdepan cabaran dunia hari ini yang terdedah kepada fitnah selain mendidik mereka membentuk personaliti menarik yang disarankan oleh Islam.

Konvensyen turut dimejarahkan artis nasyid terkenal tanah air iaitu kumpulan Nowseeheart serta seorang penyanyi antarabangsa, Farid Sanullah yang popular menerusi lagunya *Don't Forget Allah*.